



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM KHAS AKU KASIH MALAYSIA:

KESEJAHTERAAN DINIKMATI

PUTRAJAYA, 14 OGOS 2026 - Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) akan terus memperkukuh dan mempergiatkan pelaksanaan program-program kenegaraan sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026, sebagai usaha menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh jati diri serta meningkatkan penghayatan rakyat terhadap sejarah, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Ketua Pengarah AKM, YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, berkata tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026, "Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati", mencerminkan aspirasi untuk membina sebuah negara yang bukan sahaja maju dan berdaya saing, malah sejahtera, harmoni dan dapat dinikmati secara adil oleh seluruh rakyat.

Menurut beliau, penghayatan terhadap kenegaraan perlu diteruskan secara berterusan dan diperkasakan, khususnya dalam kalangan generasi muda, melalui pelaksanaan program yang relevan, inklusif dan berimpak tinggi.

"Sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini, AKM akan terus mempergiatkan program-program kenegaraan di seluruh negara bagi menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh jati diri serta meningkatkan kesedaran rakyat terhadap sejarah negara, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

"Usaha ini penting bagi memastikan semangat cintakan negara bukan sekadar dizahirkan melalui sambutan, tetapi diterjemahkan melalui kefahaman, penghayatan dan amalan dalam kehidupan seharian," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan program kenegaraan akan terus diperkasakan melalui pendekatan latihan yang lebih dinamik dan bersesuaian dengan keperluan semasa, termasuk penghasilan kandungan yang relevan, pemerkasaan profesionalisme jurulatih, pemanfaatan teknologi serta penilaian berasaskan impak

Pendekatan tersebut akan memberi penekanan kepada usaha melahirkan warga negara yang mempunyai jati diri kukuh, berintegriti, berdaya tahan dan bertanggungjawab, di samping memahami peranan masing-masing dalam membina sebuah negara bangsa yang bersatu dan sejahtera.

“AKM juga akan terus memperluas jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan agenda kenegaraan dapat dilaksanakan secara menyeluruh serta mencapai kelompok sasaran yang lebih luas di seluruh negara,” katanya.

Dalam masa yang sama, beliau menyeru seluruh warga AKM supaya menjadikan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia sebagai momentum untuk memperkukuh budaya pembelajaran berterusan, inovasi, integriti dan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan.

“Setiap warga AKM mempunyai peranan dalam memastikan agenda kenegaraan terus subur dan relevan. Setiap program dan tugas yang dilaksanakan hendaklah dilihat sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk membina negara bangsa yang bersatu, berintegriti dan sejahtera,” katanya.

AKM akan terus komited dalam memperkasa ekosistem latihan kenegaraan dan memperluas pelaksanaan program-program kenegaraan sebagai wadah untuk menyemarakkan semangat Malaysia MADANI, memperkukuh perpaduan serta membina rakyat yang memahami, menghayati dan mencintai negara.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
14 Ogos 2026

-TAMAT -